

**Kerajaan Teruskan Usaha Bangun Industri Sukan - Ahmad Shabery
Bernama
19 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Usaha memupuk dan membangunkan industri sukan akan diteruskan meskipun Tahun Industri Sukan 2011/2012 berakhir bulan ini, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Katanya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menaikkan peranan Bahagian Industri Sukan, yang ditubuhkan tahun lepas, sebagai pusat yang menyatukan pihak yang terlibat dalam industri tersebut.

"KBS perlu melihat sukan daripada perspektif yang berbeda iaitu tidak hanya sebagai penganjur acara sukan seperti Sukan Malaysia (Sukma) dan melatih atlet.

"KBS harus mula memikirkan selepas berjaya merangkul pingat emas, bagaimana kita mahu menilai atlet seperti Datuk Lee Chong Wei atau Muhammad Azizulhasni Awang.

"Bagaimana mahu menonjolkan personaliti mereka, menguruskan tajaan dan penjenamaan mereka," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Persidangan Perniagaan Sukan Asia Pasifik di Hotel Berjaya Times Square di sini Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681906>

